



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (25)  
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2019

## **SIARAN MEDIA**

### **PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PASAR MALAM**

**KUALA LUMPUR, 23 September 2019** – YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan hari ini telah merasmikan Projek Rintis Pelaksanaan Garis Panduan Pasar Malam di Tapak Projek Keramat Permai, Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Pasar malam ini merupakan lokasi projek rintis bagi menguji keberkesanan Garis Panduan Pengurusan Pasar Malam/Pasar Harian/Pasar Tani Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dibangunkan oleh KPKT. Garis panduan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-74 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail pada 23 Julai 2019 untuk diguna pakai di PBT seluruh Malaysia.

Garis panduan baru ini akan memberi keseragaman kepada pengurusan aktiviti pasar malam yang sebelum ini mengguna pakai Undang-Undang Kecil (UUK) PBT masing-masing seperti UUK Pasar Malam, UUK Penjaja, UUK Tamu di Sabah dan Sarawak. Ketidakeragaman ini telah menimbulkan pelbagai kesan negatif termasuk aduan-aduan yang berkaitan dengan kebersihan sampah-sarap selepas waktu operasi pasar malam, kesesakan lalu lintas dan kacau ganggu.

Sehubungan itu, KPKT prihatin terhadap pelbagai aduan yang timbul dan mengambil inisiatif untuk membangunkan garis panduan ini yang telah mengambil kira dan merujuk kepada UUK di PBT-PBT yang terpilih selain mengadakan sesi libat urus antara Jabatan Kerajaan Tempatan bersama PBT-PBT dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Antara Elemen yang terkandung dalam garis panduan ini ialah;

1. Pemilihan lokasi tapak pasar malam yang sesuai bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas
2. Penandaan dan rekabentuk petak dan gerai yang jelas dan seragam
3. Pengezonan barangan jualan mengikut kategori barangan
4. Keperluan kemudahan asas seperti bekalan air
5. Aspek kebersihan dan kesihatan

6. Inisiatif mesra alam seperti penyediaan bekalan elektrik bagi mengurangkan pencemaran udara dan bunyi
7. Pengurusan tapak yang teratur seperti sampah sarap dikendalikan dengan teratur
8. Aspek keselamatan.

Garis Panduan ini menggunakan pendekatan baru dengan menggariskan peranan dan tanggungjawab pihak-pihak berkepentingan seperti:

- **Penganjur** memastikan hanya peniaga berlesen sahaja dibenarkan berniaga dan menjaga kebersihan keseluruhan tapak selepas masa operasi.
- **Peniaga** perlu menjaga kebersihan petak niaga dan kesihatan masing-masing serta mematuhi syarat-syarat peniagaan seperti menguruskan sampah di petak mereka dengan teratur.
- **Pengunjung** bekerjasama tidak membuang sampah sarap merata-rata, dan mematuhi arahan lalu-lintas bagi mengelakkan kesesakan, dan
- **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** berperanan sebagai penguatkuasa yang menjalankan pemantauan, dan boleh mengambil tindakan **mengkompaun, menggantung atau membatalkan lesen** mana-mana peniaga yang melanggar peraturan. PBT juga boleh **mengkompaun** mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil PBT masing-masing.

Pelaksanaan garis panduan di tapak Pasar Malam Keramat Permai telah bermula semenjak Mac 2019. Sebagai tapak rintis, kajian kepuasan pengunjung telah dilaksanakan bagi menguji perbezaan antara sebelum pelaksanaan garis panduan dengan selepas pelaksanaan dibuat. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa tahap kepuasan pelanggan telah meningkat daripada 50% kepada 81% dan ini memberi gambaran bahawa pengunjung pasar malam berpuas hati dengan perubahan yang berlaku selepas pelaksanaan garis panduan ini.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah kementerian ini terdapat tujuh Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Solid Waste Corporation Malaysia*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my